

Konsep pelaksanaan pengasingan kolej kediaman pelajar di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia mengikut fakulti

Ahmad Zahirani bin Ahmad Azhar
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

ABSTRAK

Kehidupan mahasiswa masa kini bukan semata-mata memerlukan fokus terhadap bidang akademik, malah perlu juga mengutamakan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum. Persepsi majikan dan industri juga telah beranjak, di mana mereka bukan sahaja menekankan perspektif akademik, tetapi jugak aktiviti-aktiviti mahasiswa ketika di luar kelas. Untuk menghasilkan mahasiswa yang hollistik, proses Pendidikan harus berlaku sepanjang masa ketika pelajar tersebut di universiti. Konsep penginapan pelajar di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) adalah sedikit berbeza jika dibandingkan dengan Universiti Awam yang lain. UIAM menetapkan 100 peratus pelajar universiti untuk menginap di dalam kampus. Sehubungan dengan ini, UIAM mengambil peluang ini untuk memanfaatkan masa pelajar ketika di luar kelas dengan memperkenalkan konsep Kolej Kediaman Berdasarkan Fakulti. Mahasiswa dan mahasiswi akan diasingkan penginapannya mengikut fakulti masing-masing. Ini membolehkan kolej kediaman menjadi platform tambahan untuk mahasiswa dan mahasiswi melakukan aktiviti-aktiviti akademik dengan lebih mudah dan cekap. Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan kebaikan dan keburukan pelaksanaan sistem pengasingan pelajar mengikut fakulti di UIAM, mengkaji dasar pelaksanaan dan kesannya terhadap mahasiswa dan mahasiswi.

Kata Kunci: mahasiswa, pengasingan, kolej kediaman, fakulti

PENGENALAN

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) ditubuhkan hasil daripada aspirasi para sarjana Islam di Malaysia untuk mewujudkan sebuah universiti Islam di Malaysia yang bakal menerajui umat Islam dalam semua bidang keilmuan. Cadangan penubuhan IIUM telah dikemukakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia Keempat pada 12hb Januari 1982. IIUM ditubuhkan secara rasmi pada 20hb Mei 1983 oleh kerajaan Malaysia. Falsafah IIUM diinspirasikan daripada rumusan yang dicapai pada Persidangan Pendidikan Islam Antarabangsa yang Pertama yang telah berlangsung di Mekah pada tahun 1977.

IIUM diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 yang membolehkan penggunaan Bahasa Inggeris dan Arab sebagai bahasa penghantar yang telah meningkatkan orientasi global Universiti. IIUM mengintegrasikan nilai-nilai dan sudut pandang Islam ke dalam pelbagai bidang pengajian yang meliputi bidang kemanusiaan, saintifik dan teknikal sesuai dengan slogannya sebagai sebuah "Taman Ilmu dan Budi". Ciri-ciri unik ini tersirat dalam falsafah dan logo IIUM. IIUM berhasrat untuk mengangkat kembali umat Islam sebagai peneraju di dalam bidang penerokaan dan penghasilan ilmu dan seterusnya menyumbang ke arah penambahbaikan kualiti kehidupan manusia seluruhnya.

Kampus IIUM terletak di beberapa buah negeri di Malaysia, di mana setiap satu kampus menyediakan bidang pengajian yang berbeza. Kampus Gombak yang terletak berhampiran Kuala Lumpur menempatkan pusat pentadbiran utama Universiti dan juga Kulliyah (fakulti) Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Ekonomi dan Sains Pengurusan, Ilmu Wahyu Islam dan Sains Kemanusiaan, Seni Bina dan Rekabentuk Alam Sekitar, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kejuruteraan, Pendidikan dan Pengurusan Bahasa. Kampus IIUM menawarkan pelbagai kemudahan yang lengkap seperti kolam renang bersaiz Olimpik, perpustakaan yang dilengkapi dengan lebih kurang dua (2) juta 9 bahan cetak dan digital serta kemudahan akses dalam talian, klinik kesihatan, kedai-kedai runcit, pejabat pos dan beberapa buah bank. Antara kelebihan IIUM yang tidak ada di universiti-universiti awam yang lain ialah IIUM mewajibkan semua pelajar ijazah untuk tinggal di kolej kediaman sepanjang tempoh pengajian. Ini bertujuan supaya mahasiswa dapat diterap dan dipupuk nilai-nilai Islam walau ketika berada di kolej kediaman. Pada tahun 2018, kolej kediaman di UIAM mempunyai keupayaan untuk menempatkan lebih kurang 16 000 mahasiswa di kampus Gombak sahaja.

LATARBELAKANG MASALAH

Sejak tahun 1990, terdapat pelbagai cabaran dalam usaha untuk membentuk sahsiah pelajar di universiti (Stone, 1990). Kehidupan di universiti sangat mendedahkan mahasiswa dengan kehidupan sebenar di luar sebelum memasuki ke alam pekerjaan. Kerjasama dalam kerja berpasukan, kesungguhan dalam menyiapkan tugas yang diberikan, ketekunan dalam meneliti atau menilai keberhasilan kerja, dan sebagainya (Wößmann, 2003). Waktu ini juga mahasiswa juga harus pandai memilih kawan untuk susah senang bersama. Kerja berpasukan bukanlah asing lagi bagi mahasiswa dalam tempoh pembelajaran, tetapi ia menjadi satu kemestian dalam konsep belajar yang cuba diketengahkan oleh kebanyakan universiti (Felder et al., 1998). Ini membolehkan mahasiswa merasa diri masing-masing punya rasa tanggungjawab dalam melaksanakan tugas. Dalam memastikan usaha memupuk nilai-nilai Islam kepada mahasiswa UIAM dilakukan secara tersusun dan cekap, satu konsep diperkenalkan supaya usaha memupuk nilai-nilai Islam dapat diteruskan dengan lebih cekap. Konsep ini dikenali sebagai "Pengasingan pelajar di kolej kediaman mengikut fakulti".

OBJEKTIF

Objektif kertas kerja ini adalah untuk mengkaji konsep Pengasingan pelajar di kolej kediaman mengikut fakulti yang bakal dilaksanakan secara penuh.

PENDEKATAN TEORI DAN KONSEPTUAL

Mahasiswa di UIAM terdiri dari pelbagai bidang akademik. Keperluan akademik untuk mahasiswa di UIAM ini adalah unik, bergantung kepada bidang masing-masing. Oleh itu, pihak pentadbir tertinggi UIAM telah mencadangkan agar mahasiswa di UIAM ditempatkan di kolej kediaman mengikut fakulti masing-masing. Bukan setakat mahasiswa, tetapi felo dan pengetua yang bertugas di setiap kolej kediaman turut dari fakulti yang sama. Ini bertujuan untuk memfokuskan aktiviti-aktiviti di kolej kediaman lebih berunsurkan kepada bidang akademik masing-masing. Selain itu, aktiviti-aktiviti yang biasanya dilakukan di Fakulti kini

juga boleh dilanjutkan dan dilakukan di kolej kediaman. Aktiviti usrah yang biasanya di lakukan berdasarkan penempatan kolej kediaman dan biasanya dilakukan di sekitar kolej kediaman juga boleh dilakukan di fakulti, mengikut konsep pelaksanaan penempatan pelajar mengikut fakulti ini.

METODOLOGI

Mengikut konsep pelaksanaan kaedah ini, mahasiswa akan ditempatkan di kolej kediaman mengikut fakulti masing-masing. Senarai kolej kediaman dan fakulti yang terlibat adalah seperti di dalam Jadual 1 (Mahasiswa) dan Jadual 2 (Mahasiswi).

Pengetua yang mana sebelum ini melapor kepada Naib Canselor juga akan melapor kepada Dekan Fakulti. Fakulti juga akan dipertanggungjawabkan berkaitan kebajikan pelajar di kolej kediaman. Ini bermaksud fakulti juga boleh mengawasi dan memberi nasihat mengenai aktiviti-aktiviti yang dijalankan di kolej kediaman.

Jadual 1: Sususan Kolej Kediaman Mahasiswa dan Fakulti berdasarkan konsep Penempatan Mahasiswa Mengikut Kolej Kediaman.

Fakulti	Kolej Kediaman
Kejuruteraan / Teknologi Maklumat / Persediaan	Ali
Ekonomi dan Sains Pengurusan	Bilal
Undang-undang / Ilmu Wahyu Islam dan Sains Kemanusiaan / Pendidikan	Faruq
Ilmu Wahyu Islam dan Sains Kemanusiaan	Siddiq
Ilmu Wahyu Islam dan Sains Kemanusiaan / Pendidikan	Uthman
Seni Bina dan Rekabentuk Alam Sekitar / Persediaan	Zubair
Pendidikan	Ruqayyah
Undang-undang / Ekonomi dan Sains Pengurusan / Pendidikan / Badan Beruniform	Salahuddin

Jadual 2: Sususan Kolej Kediaman Mahasiswi dan Fakulti berdasarkan konsep Penempatan Mahasiswa Mengikut Kolej Kediaman

Fakulti	Kolej Kediaman
Teknologi Maklumat / Ilmu Wahyu Islam dan Sains Kemanusiaan / Persediaan	Aminah
Ilmu Wahyu Islam dan Sains Kemanusiaan	Asma'
Kejuruteraan / Ilmu Wahyu Islam dan Sains Kemanusiaan / Persediaan	Asiah
Ilmu Wahyu Islam dan Sains Kemanusiaan	Hafsah
Ilmu Wahyu Islam dan Sains Kemanusiaan	Halimah
Ekonomi dan Sains Pengurusan	Nusaibah
Seni Bina dan Rekabentuk Alam Sekitar / Persediaan	Safiyah
Undang-undang	Sumayyah
Pendidikan	Ruqayyah
Undang-undang / Ekonomi dan Sains Pengurusan / Pendidikan / Badan Beruniform	Salahuddin
Ilmu Wahyu Islam dan Sains Kemanusiaan	Maryam

PERBINCANGAN

Mahasiswa adalah yang paling terkesan dengan pelaksanaan konsep ini. Jadi, wajarlah jika perspektif mahasiswa dipertimbangkan dahulu. Kehidupan di universiti sepatutnya berdasarkan kepada kehidupan di alam pekerjaan. Mahasiswa sepatutnya diberi pendedahan bukan sahaja kepada ilmu dan pengetahuan, malahan juga kepada kemahiran insaniah. Untuk pendedahan yang secukupnya, mahasiswa sepatutnya diberi peluang untuk bergaul dengan mahasiswa dari pelbagai latar belakang akademik, termasuk mahasiswa dari fakulti lain.

Mahasiswa dari fakulti yang berlainan cenderung untuk mempunyai sifat-sifat yang berbeza (emosi, cara komunikasi, tahap motivasi, dan juga cara pengendalian tekanan yang berbeza) (Smith and Kleinman, 1989). Mahasiswa perlu diberi peluang untuk bergaul dengan pelbagai orang semasa di universiti. Ini akan memberikan mereka peluang untuk mengumpul pengalaman untuk digunakan semasa alam pekerjaan kelak.

Psikologi mahasiswa juga perlu diambil perhatian di dalam kes ini (Davies and Lea, 1995). Waktu diluar kuliah (selepas jam 5.00 petang) adalah waktu untuk bersukan dan berehat di waktu malam (Ali et al., 2009). Ada segelintir mahasiswa yang mana jika memerlukan masa untuk berehat, mereka perlu bersosial dengan mahasiswa dari fakulti lain. Ini kerana ada segelintir mahasiswa yang tidak gemar bersosial dengan mahasiswa dari fakulti sendiri. Ini boleh memberi tekanan psikologi kepada mahasiswa.

Zaman pengajian mahasiswa adalah waktu mahasiswa membina rangkaian profesional mereka. Rangkaian profesional adalah lebih luas jika dibina dengan rakan-rakan yang bukan dari bidang yang sama. Rangkaian profesional adalah amat penting bagi mahasiswa yang mahu memulakan perniagaan selepas tamat zaman pengajian (Helou and Rahim, 2014). Mengikut pelan pelaksanaan konsep ini, perlantikan pengetua dan felo juga sepatutnya dari fakulti yang sama. Ini bertujuan untuk memudahkan fakulti untuk mengawasi prestasi akademik mahasiswa (Carr and Punzo, 1993). Walaubagaimana pun, untuk mencapai sasaran konsep ini, bilangan pengetua dan felo dari setiap fakulti adalah tetap. Adalah agak sukar untuk mendapatkan bilangan pengetua dan felo yang spesifik dari setiap fakulti. Tambahan pula, mengikut pelan konsep ini, Pengetua akan bertanggungjawab dan melaporkan bukan sahaja kepada Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, malah kepada Dekan Fakulti masing-masing. Ini secara tidak langsung akan memberikan beban kerja tambahan kepada fakulti masing-masing (Porter and Umbach, 2001).

Perlaksanaan konsep ini juga dapat memberi faedah kepada mahasiswa. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di kolej kediaman boleh dilakukan dengan memberi lebih fokus terhadap bidang akademik. Ini dapat membantu mahasiswa-mahasiswa yang lemah dalam akademik. Aktiviti akademik yang memerlukan masa tambahan yang dilakukan di kolej kediaman boleh dilakukan secara berpusat (Hill and Taylor, 2004). Ini memberikan pendedahan akademik yang baik kepada mahasiswa di universiti.

Sehingga kini, tiada lagi universiti awam mahupun swasta yang melaksanakan konsep penempatan Mahasiswa mengikut fakulti. Contoh yang paling hampir kepada konsep ini ialah Universiti Sains Malaysia (USM). USM mempunyai tiga kampus utama, kampus Minden, Kampus Kesihatan di Kubang Kerian dan Kampus Kejuruteraan di Nibong Tebal. Disebabkan oleh penubuhan kampus yang berdasarkan bidang perubatan dan kejuruteraan ini, penghuni kolej kediaman adalah dari bidang yang sama. Walaubagaimana pun, USM tidak mempunyai pelan rasmi yang mana kolej kediaman mesti diasingkan mengikut fakulti. Penempatan mahasiswa di USM hanya diwajibkan kepada tahun 1 sahaja.

RUMUSAN

Setelah di kaji konsep penempatan mahasiswa mengikut fakulti, ternyata terdapat banyak kekurangan berbanding kelebihan. Walaubagaimana pun, setakat ini konsep ini masih dalam kajian dan mungkin ada beberapa faktor yang masih belum dikaji dan belum dipertimbangkan.

RUJUKAN

- Ali, N., Jusof, K., Ali, S., Mokhtar, N., & Salamat, A. S. A. (2009). The Factors Influencing Students' performance At Universiti Teknologi Mara Kedah, Malaysia. *Management Science and Engineering*, 3(4), 81-90.
- Carr, S. C., & Punzo, R. P. (1993). The effects of self-monitoring of academic accuracy and productivity on the performance of students with behavioral disorders. *Behavioral Disorders*, 18(4), 241-250.
- Davies, E., & Lea, S. E. (1995). Student attitudes to student debt. *Journal of economic psychology*, 16(4), 663-679.

- Felder, R. M., Felder, G. N., & Dietz, E. J. (1998). A longitudinal study of engineering student performance and retention. V. Comparisons with traditionally-taught students. *Journal of Engineering Education*, 87(4), 469-480.
- Helou, A. M., & Rahim, N. Z. A. (2014). The influence of social networking sites on students' academic performance in Malaysia. *International Journal of Electronic Commerce*, 5(2), 247-254.
- Hill, N. E., & Taylor, L. C. (2004). Parental school involvement and children's academic achievement: Pragmatics and issues. *Current directions in psychological science*, 13(4), 161-164.
- Porter, S. R., & Umbach, P. D. (2001). Analyzing faculty workload data using multilevel modeling. *Research in higher education*, 42(2), 171-196.
- Stone, G. L., & Archer Jr, J. (1990). College and university counseling centers in the 1990s: Challenges and limits. *The Counseling Psychologist*, 18(4), 539-607.
- Smith III, A. C., & Kleinman, S. (1989). Managing emotions in medical school: Students' contacts with the living and the dead. *Social psychology quarterly*, 56-69.
- Wößmann, L. (2003). Schooling resources, educational institutions and student performance: the international evidence. *Oxford bulletin of economics and statistics*, 65(2), 117-170.